



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JANUARI 2026



KELEBIHAN BULAN SYAABAN

23 JANUARI 2026M / 04 SYAABAN 1447H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرٍ اَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُّضِلِّهٖ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنْ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُوْلُهُ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ.

اَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ وَاَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Syaaban adalah bulan yang kelapan dalam kalendar Islam. Bulan ini berada di antara bulan Rejab dan Ramadan. Dinamakan bulan Syaaban kerana padanya terdapat kelebihan yang banyak. Maka sewajarnya



bulan ini diisi dengan memperbanyak amal ibadah dan kebajikan seperti yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ

Firman Allah Azza Wa Jalla dalam surah Fatir ayat 10:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا ۖ إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ

يَرْفَعُهُ ۚ وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَكْرُ أُولَٰئِكَ هُوَ يُبَوِّرُ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: “Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah dia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah). (Ketahuilah) kemuliaan itu semuanya milik Allah. kepadanya akan naik segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid, untuk dimasukkan ke dalam catatan balasan), dan amalan soleh pula di angkatnya naik (sebagai amal yang makbul, yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya). Adapun bagi orang yang merancang kejahatan (untuk mendapat kemuliaan), mereka akan mendapat azab yang sangat berat dan rancangan jahat mereka (kalau berkesan sekalipun) akan rosak binasa.”

Ayat ini menjelaskan bahawa kemuliaan hakiki hanya milik Allah ﷻ. Kemuliaan tidak terletak pada pangkat, harta atau kedudukan duniawi tetapi pada keimanan dan amal soleh yang dilakukan kepada Allah ﷻ dengan penuh kehambaan.



Kaum muslimin yang dimuliakan

Menurut pendapat sebahagian ulamak, antara amalan yang digalakkan untuk kita lakukannya pada bulan Syaaban ialah;

Pertama: Puasa sunat.

Baginda Nabi ﷺ lebih banyak berpuasa sunat pada bulan Syaaban berbanding bulan-bulan yang lain. Baginda ﷺ menjelaskan keutamaan berpuasa pada bulan ini dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'ie:

ذَٰكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ يَعْنِي بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ وَهُوَ شَهْرٌ تَرْفَعُ الْأَعْمَالُ فِيهِ إِلَى رَبِّ
الْعَالَمِينَ فَأَحَبُّ أَنْ يَرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Yang bermaksud: “Itulah bulan yang ramai orang lalai (tentang keistimewaannya), ia berada antara (bulan) Rejab dan Ramadan. Ia juga adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Tuhan sekalian alam. Maka aku suka amalanku diangkat, ketika itu aku (sedang) berpuasa”.

Kedua: Taubat dan beristighfar.

Allah ﷻ telah memberi kelebihan secara khusus pada malam Nisfu Syaaban dengan menjanjikan keampunan kepada semua hamba-Nya kecuali orang yang musyrik dan orang yang bermusuhan. Nabi ﷺ bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah:



إِنَّ اللَّهَ لَيَطَّلِعُ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لَجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah memerhatikan (hambanya) pada malam Nisfu Syaaban, Maka (lalu) Dia mengampunkan (dosa-dosa) kesemua makhluknya (yang beriman), melainkan orang yang syirik dan orang yang bermusuhan (sesama mereka).”

Ketiga: Membaca Al-Quran serta membantu golongan yang memerlukan.

Ibnu Rajab Al-Hanbali menyatakan: “Ketika masuk bulan Syaaban umat Islam tertunduk pada mushaf al-Quran. Mereka menyibukkan diri dengan tadarus dan mengeluarkan harta mereka untuk membantu kelompok yang lemah (dhuafa) dan orang-orang miskin bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan.”

Keempat: Qada’ puasa.

Saidatina A’isyah رضي الله عنها berkata dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

كَانَ يَكُونُ عَلَى الصَّوْمِ مِنْ رَمَضَانَ فَمَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَقْضِيَ إِلَّا فِي شَعْبَانَ

Yang bermaksud: “Aku mempunyai (hutang) puasa (wajib) pada bulan Ramadan, aku tidak dapat mengqadanya (menggantinya) kecuali pada bulan Syaaban.”

Ketua keluarga perlu menasihati ahli keluarga untuk menggantikan puasa yang ditinggalkan sebelum bermulanya bulan Ramadan. Perlu diingatkan



puasa sunat selepas pertengahan Syaaban adalah dilarang kecuali mereka yang telah mula berpuasa pada separuh pertama bulan Syaaban.

Sebahagian daripada ulama berpandangan bahawa memperbanyakkan amalan pada bulan Syaaban adalah sebagai persediaan dan latihan bagi kita untuk menghadapi kehadiran Ramadhan.

Imam Dzun Nun al-Mishri mengatakan:

رَجَبُ شَهْرُ الزَّرْعِ وَشَعْبَانُ شَهْرُ السَّقْيِ وَرَمَضَانُ شَهْرُ الْحَصَادِ وَكُلُّ يَحْصِدُ مَا زَرَعَ فَمَنْ
ضَيَّعَ الزَّرْعَ نَدِمَ يَوْمَ الْحَصَادِ

Yang bermaksud: *“Rejab adalah bulan menanam, Syaaban bulan menyiram, dan Ramadhan bulan menuai. Setiap orang akan menuai apa yang ia tanam. Barangsiapa yang mensia-siakan penanaman maka dia akan menyesal pada hari menuai.”*

Sidang Jumaat sekaliian

Kesimpulan yang boleh kita ambil daripada khutbah hari ini ialah:

- Pertama Kelebihan bulan dan malam nisfu Sya’ban adalah thabit berdasarkan hadis Nabi ﷺ .
- Kedua Kita digalakkan memohon keampunan daripada Allah ﷻ pada bulan yang mulia ini serta memperbanyakkan amal



ibadah seperti berpuasa, berdoa, membaca al-Quran dan sebagainya.

Ketiga Memperbanyakkan sedekah dan membantu golongan yang memerlukan.

Keempat Memperbanyakkan amalan pada bulan Syaaban adalah sebagai persediaan dan latihan bagi kita untuk menghadapi kehadiran Ramadan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ

مَشْكُورًا ﴿١٩﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.